



KOD TATALAKU

Kedaulatan Negara

Kami mengiktiraf kedaulatan semua negara yang mempunyai taraf perdagangan rasmi dengan Amerika Syarikat dan bersetuju untuk mematuhi undang-undang dan peraturan negara-negara berdaulat tersebut.

Buruh Paksa

Kami mengiktiraf bahawa perhambaan dan pengabdian indentur buruh adalah keburukan yang tidak boleh diterima dalam keadaan apapun dan bersetuju untuk tidak menggunakan apa jua bentuk perkhidmatan buruh tidak sukarela atau buruh paksa termasuk buruh paksaan penjara, buruh indentur atau buruh abdi dalam bentuk apapun.

Buruh Kanak-Kanak

Kami mengiktiraf peri perlunya semua kanak-kanak mendapat pendidikan dan menikmati zaman kanak-kanak mereka dalam keadaan bebas tanggungjawab bekerja, dan bersetuju untuk tidak menggaji sesiapa pun yang berusia kurang daripada 15 tahun (14 tahun bagi negara yang menetapkan usia minimum 14 tahun) atau di bawah apa jua umur yang bercanggahan dengan umur pendidikan wajib.

Diskriminasi

Kami mengiktiraf kesetaraan yang tersirat dalam sifat semua manusia dan bersetuju bahawa tidak ada pekerja akan dikenakan diskriminasi atas dasar jantina, bangsa, agama, umur, ketidakupayaan, keturunan, politik atau kecenderungan seksual. Majikan tidak akan mensyaratkan ujian kehamilan bagi pekerja wanita, kecuali sebagaimana dipersyaratkan oleh undang-undang negara.

Gangguan atau Penganiayaan

Kami mengiktiraf maruah semua manusia dan bersetuju bahawa semua pekerja akan dilayani dengan adil dan hormat. Tidak ada pekerja akan dikenakan hukuman fizikal atau tubuh, gangguan seksual atau penganiayaan psikologi.

Ganjaran dan Faedah

Kami mengiktiraf tanggungjawab untuk membayar pekerja kadar ganjaran yang setara dengan kadar minimum di sisi undang-undang atau kadar yang lazim, mana satu yang lebih tinggi. Kami mengiktiraf faedahnya bagi pekerja dibayar kadar ganjaran yang adil dan mencabar para pemilik kilang kami supaya bertekad untuk meningkatkan kadar ganjaran pekerja mereka secara bertahap-tahap sambil tetap peka kepada kedudukan berdaya saingan dalam pasaran sedunia.

Jam Kerja

Kami mengiktiraf bahawa manusia bekerja untuk hidup, bukan hidup untuk bekerja. Oleh itu, mereka harus diberikan masa yang cukup untuk berehat dan memulihkan tenaga. Kecuali dalam keadaan luar biasa, kami bersetuju untuk menghadkan jam kerja kepada 48 jam dan 12 jam lebih masa seminggu, atau had jam kerja tetap dan lebih masa di sisi undang-undang, mana satu yang lebih rendah. Pekerja juga mestilah berhak menerima sekurang-kurangnya satu hari rehat dalam setiap tempoh tujuh hari. Kami bersetuju bahawa ganjaran lebih masa mestilah tidak kurang daripada kadar ganjaran biasa dan mestilah pada kadar tambahan jika begitu kebiasaannya, atau pada kadar lazim di sisi undang-undang, mana satu yang lebih tinggi.

Kebebasan Berpersatuan

Kami mengiktiraf hak semua pekerja untuk melaksanakan hak mereka di sisi undang-undang untuk berpersatuan dan menjalankan tawar-menawar kolektif dan melarang tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang terbabit dalam kegiatan menyusun keahlian persatuan.

Kesihatan dan Keselamatan

Kami mengiktiraf tanggungjawab untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat, yang melindungi pekerja daripada nahas dan bahaya, dan bersetuju bahawa persekitaran yang selamat dan terlindung ini harus termasuk kemudahan rumah kediaman jika digunakan.

Pemantauan Bebas

Kami mengiktiraf bahawa keberkesanan dan kesahihan kod ini bergantung pada pertukaran maklumat yang bebas dan terbuka di kalangan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Para pemilik dan pengurusan kilang mestilah menerapkan program pemantauan bebas demi menjamin prestasi kami menurut taraf-taraf ini.

Alam Sekitar

Kami mengiktiraf kesucian semua tanah dan saluran air dan bertekad untuk memelihara alam sekitar. Kami bertekad untuk mematuhi semua peraturan negara dan tempatan tentang perlindungan alam sekitar.

Kepatuhan Kastam

Kami mengiktiraf bahawa kejujuran dan ketepatan adalah ciri-ciri yang tersirat dalam kepatuhan kepada peraturan Kastam Amerika Syarikat. Kami bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, khususnya yang berkaitan dengan pengiriman haram, fraud kuota, dan pemalsuan dokumentasi komersial.

Inilah taraf minimum kami yang mesti diterapkan oleh semua kilang sekutu dan pembekal kami. GEAR For Sports berhak menamatkan apa jua hubungan jika taraf-taraf ini tidak ditegakkan.

www.GEARnosweat.com

Kami, pihak pengurusan,

pekerja dan agen

GEAR For Sports®, menentang

penggunaan kilang peras

tenaga dan semua amalan

buruh yang menganiaya.

Kami bertekad untuk

terus meningkatkan

syarat-syarat kerja,

kadar ganjaran dan

faedah bagi semua pekerja

yang terbabit dalam

pembuatan produk kami.

Kami menegakkan kod

atalaku yang berikut dan

menghendaki semua kilang

sekutu dan pembekal

kami supaya menerapkan

kod ini sebagai

taraf minimum.